

JPS Updates

EDISI KETIGA



20
25

**MAJLIS LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI
YBHG. DATO' IR. ROZMAN BIN MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH (SEKTOR PAKAR)
JPS MALAYSIA**



Tinta Ketua Editor

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buletin JPS edisi ketiga ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua warga jabatan yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa dalam menjayakan penerbitan buletin kali ini.

Edisi kali ini memaparkan pelbagai aktiviti, inisiatif dan pencapaian semua warga JPS yang mencerminkan semangat kerjasama serta dedikasi tinggi dalam melaksanakan amanah jabatan.

Semoga buletin ini menjadi wadah perkongsian dan inspirasi untuk kita terus maju ke hadapan, membawa JPS ke arah organisasi yang lebih cemerlang, inovatif dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Jayakan Perkhidmatan Sempurna

Ir. ASNOL ADZHAN BIN ABD. MANAP, KMN., AMP.

Pengarah Bahagian Korporat



Sidang Redaksi

PENASIHAT

Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib
Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

PENYELARAS

Ir. Hanizan bin Deraman
Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan)
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

KETUA EDITOR

Ir. Asnol Adzhan bin Abd. Manap, KMN., AMP.
Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

EDITOR

Ir. Faridah binti Mohd Razelan
Timbalan Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

PENOLONG EDITOR

Ir. Ts. Muhamad Fariz bin Ismail, AMP
Noorul Faedzah binti Rosli
Salwana Fadzil
Nora Idayu Ahmad Nazri

ELUAR 23

JULAI

2025

Slot temubual APA KHBAR MALAYSIA DI BERNAMA TV

Sambutan Hari Air Sedunia 2025



YBhg. Dato' Ir. Ratna Rajah Sivapiragasam, Pengarah Humid Tropics Centre Kuala Lumpur (HTC KL) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) Malaysia telah bersiaran secara langsung dalam slot Apa Khabar Malaysia di Bernama TV.

Slot temubual ini mempromosikan sambutan Hari Air Sedunia 2025 yang berlangsung di Dataran Sayangi Kuantan, Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang pada 4 - 5 Julai 2025.



Tema sambutan pada tahun ini adalah “Air Untuk Kehidupan: AirKu, HidupKu, DuniaKu.” Semoga sambutan Hari Air Sedunia pada tahun ini akan menjadi pemangkin kepada kesedaran yang lebih mendalam di kalangan rakyat Malaysia mengenai pentingnya memelihara alam sekitar dan sumber air yang merupakan aset negara serta amanah bersama demi masa hadapan yang seimbang dan lestari.

Slot temubual SELAMAT PAGI MALAYSIA

Sambutan Hari Air Sedunia 2025



YBhg. Dato' Mohd Rodzwan Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Air), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah bersiaran secara langsung dalam slot khas temubual rancangan Selamat Pagi Malaysia (SPM) RTM sempena promosi Sambutan Hari Air Sedunia 2025.



Slot temubual ini mempromosikan sambutan Hari Air Sedunia 2025 yang akan berlangsung di Dataran Sayangi Kuantan, Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang pada 4 - 5 Julai 2025.

Temubual ini menyoroti inisiatif dan usaha berterusan kerajaan dalam memperkukuh pengurusan sumber air negara serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan air sebagai asas kehidupan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK PEMBANGUNAN (JPPP) BAGI PROJEK JABATAN BUKAN TEKNIK (AP182)

BIL.2 TAHUN 2025



Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek Pembangunan (JPPP) Bil.5 Tahun 2025 bagi Projek Jabatan Bukan Teknik (AP182) pada 2 hingga 3 Julai 2025 bertempat di Dewan Banquet, Bangunan Sultan Ismail, Iskandar Puteri, Johor.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ir. Rozman bin Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar), JPS Malaysia.

Turut hadir ialah Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri serta wakil-wakil daripada 13 Agensi Bukan Teknik yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek berkenaan.

Mesyuarat ini bertujuan untuk menilai prestasi semasa pelaksanaan fizikal dan kewangan projek-projek di bawah peruntukan AP182 yang dikendalikan oleh pihak JPS.

Di samping itu, mesyuarat ini juga berperanan sebagai platform penyelarasan strategik antara JPS dan agensi berkaitab bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar serta mencapai sasaran yang ditetapkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JPS Negeri Johor selaku tuan rumah atas kerjasama dan sokongan penganjuran mesyuarat ini.

LAWATAN KSU PETRA

KE PUSAT KAWALAN SMART

YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi Bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mengadakan lawatan ke Pusat Kawalan SMART, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. YBhg. Dato' turut meninjau salah satu tapak pencerobohan.

SMART adalah singkatan dalam Bahasa Inggeris kepada "Stormwater Management and Road Tunnel".

Projek ini merupakan projek inovatif Kerajaan Malaysia bagi mengurangkan masalah banjir di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur iaitu di sepanjang Sungai Klang dan sekitar kawasan Masjid Jamek, Jalan Tun Perak akibat limpahan air Sungai Klang.



HARI AIR SEDUNIA 2025

04 Julai 2025

KUANTAN BERSELAWAT | 4 JULAI 2025 | KUANTAN, PAHANG



Sempena Sambutan Hari Air Sedunia (HAS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2025, telah berlangsungnya program “Bandaraya Kuantan Berselawat” pada hari pertama sebelah malam di Dataran Sayangi Kuantan, Pahang anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) bersama Pejabat Agama Islam Bandaraya Kuantan.

Program ini diserikan dengan kehadiran Tuan Habib Nael bin Taher, pemimpin Majlis Rasulullah Malaysia, majlis selawat ini dihadiri oleh hampir 1,000 orang awam sekitar Kuantan.

YBhg. Dato’ Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Air) Kementerian Peralihan Tenaga dan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Turut hadir bersama YBrs. Tuan Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS dan YBrs. Puan Roshana Alma binti Mohd Ali, Setiausaha Bahagian Sumber Air PETRA bagi menyantuni majlis ini.



HARI AIR SEDUNIA 2025

05 Julai 2025

PERINGKAT KEBANGSAAN | 5 JULAI 2025 | DATARAN SAYANGI KUANTAN



Majlis perasmian Sambutan Hari Air Sedunia 2025 Peringkat Kebangsaan telah berlangsung di Dataran Sayangi Kuantan dan disempurnakan oleh YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, mewakili YAB Menteri Besar Pahang. Mewakili Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) pula ialah YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Air) PETRA.

Pemilihan negeri Pahang sebagai lokasi sambutan adalah kerana Pahang mempunyai hubungan erat dengan air, dipengaruhi oleh geografi, ekonomi, dan warisan budayanya. Sebagai contoh Sungai Pahang yang merupakan sungai terpanjang di Semenanjung Malaysia telah lama menjadi tulang belakang kepada penempatan masyarakat, pertanian, dan perindustrian.

Tema sambutan Hari Air Sedunia Tahun 2025 Peringkat Kebangsaan telah disesuaikan dalam konteks negara iaitu "Air untuk Kehidupan" dengan slogan "AirKU, HidupKU, DuniaKU".

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBrs. Ir. Mohamad Radzi Bin Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia dan YBrs. Ir. Haji Mohd. Sha'ri Bin Mohammed, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang.



ANUGERAH

PEMBANGUNAN SEKTOR AIR PERINGKAT IPT KEBANGSAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2025

Tahniah diucapkan kepada penerima Anugerah Pembangunan Sektor Air Peringkat IPT Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2025 yang telah diadakan pada 5 Julai 2025 bertempat di Dataran Sayangi Kuantan, Kuantan Pahang.

Anugerah ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu Peringkat Sarjana Muda, Peringkat Sarjana dan Peringkat Doktor Falsafah.

Tahniah kepada semua pemenang!

Pemberian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohamad Nizar bin Dato' Sri Mohamad Najib, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang mewakili YAB Menteri Besar Pahang bersama YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Air), PETRA, Ir. Mohamad Radzi Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia dan Ir. Haji Mohd Sha'ri bin Mohammed, Pengarah JPS Negeri Pahang.



08 Julai 2025

MESYUARAT DAN PEMBENTANGAN PROJEK DI BAWAH PROGRAM UNDP DAN ASEAN MELALUI PENDANAAN GEF DI PEJABAT BAHAGIAN PERANCANGAN EKONOMI NEGERI (BPEN) KEDAH

8 Julai 2025, Kedah | Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi (BPSAH) telah menghadiri sesi mesyuarat dan pembentangan berkaitan projek 'Reducing Pollution and Preserving Environmental Flows in the East Asian Seas through the Implementation of Integrated River Basin Management (IRBM) in ASEAN Countries' yang diadakan di Bilik Mesyuarat BPEN 1, Wisma Darul Aman, Alor Setar, Kedah.

Projek ini merupakan program United Nation Development Programme (UNDP) dan ASEAN melalui pendanaan Global Environmental Facility (GEF). Lembangan Sungai Kedah telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan projek berimpak tinggi ini yang melibatkan kerjasama antara JPS Malaysia bersama UNDP, membabitkan enam buah negara ASEAN termasuk Malaysia.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Encik Junaidi bin Abdul Rani@Abdul Ghani, Pengarah Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah. Turut hadir bersama YB Dato' Hj. Mohamad Yusoff bin Hj. Zakaria, Exco Kerja Raya, Sumber Asli, Bekalan Air, Sumber Air dan Alam Sekitar Negeri Kedah serta wakil-wakil jabatan/ agensi berkaitan iaitu Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) Negeri Kedah, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) dan Bahagian Sumber Air (BSA) PETRA. Pembentangan telah dilaksanakan oleh wakil BPSAH iaitu YBrs. Ir. Ts. Sazali bin Osman dan YBrs. Puan Larifah binti Mohd Sidik.

Pemilihan Kedah sebagai lokasi projek diharapkan mampu meningkatkan kecekapan pengurusan sumber air negeri berdasarkan indikator pelaporan antarabangsa.



PETRA SKUAD ZON SABAH

LAWATAN PROJEK RTB SG. DAMAI

14 Julai 2025 | Basin 8, Sabah

PETRA SKUAD diketuai YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) serta delegasi PETRA Skuad turun padang dengan membuat lawatan kerja ke tapak projek.

Projek ini berjumlah RM48 juta dan dijangka siap pada bulan Julai 2026. Antara kerja utama yang dilaksanakan ialah menaiktaraf sistem saliran, pembinaan rumah pam, pembentung jalan, serta pemasangan pintu kawalan banjir. Projek ini dijangka memberi manfaat kepada hampir 17,500 penduduk di kawasan terlibat.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk memantau kemajuan projek serta memastikan segala kerja dijalankan mengikut perancangan demi meningkatkan kualiti infrastruktur dan keselamatan rakyat.



16 Julai 2025

Majlis

LAMBAIAN KASIH SANJUNGAN BUDI YBHG. DATO' IR. ROZMAN BIN MOHAMAD TIMBALAN KETUA PENGARAH (SEKTOR PAKAR) JPS MALAYSIA



16 Julai 2025 - Majlis diadakan sempena persaraan YBhg. Ir. Dato' Rozman Bin Mohamad selaku Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia. Kehadiran Ketua Pengarah JPS Malaysia YBrs. Ir. Mohamad Radzi Bin Abdul Talib, Pengurusan Tertinggi Jabatan, Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri serta seluruh warga ibu pejabat JPS Malaysia memeriahkan lagi majlis ini.

Suasana majlis berlangsung dalam suasana penuh rasa hormat dan penghargaan terhadap sumbangan besar YBhg. Dato' Ir. Rozman sepanjang perkhidmatannya. Kemuncak majlis diserikan dengan sesi 'Punch Out' terakhir, simbolik kepada penamatan tugas rasmi beliau di JPS Malaysia.

Seluruh warga kerja JPS Malaysia ingin mengucapkan 'Selamat Bersara' dan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato' atas jasa dan khidmat bakti selama 36 tahun ini. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dijayakan dan persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan tidak akan terhenti disini malah akan terus berkekalan.



MALAYSIA WATER FORUM 2025


22-23 JULAI 2025 | DEWAN SERI SIANTAN, PUTRAJAYA

Majlis Perasmian Malaysia Water Forum 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Turut hadir sama di majlis tersebut ialah YBhg. Dato' Mohd Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiusaha (Sektor Air), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan YBr. Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia merangkap Pengerusi Malaysia Water Partnership (MyWP).

Penganjuran forum ini adalah untuk menilai dan membincangkan cabaran serta meneroka peluang dan penyelesaian baru dalam pengurusan sumber air di Malaysia. Tumpuan akan diberikan kepada isu seperti ketidakseimbangan agihan air, pencemaran, serta keperluan kepada sistem amaran awal, dan pengurusan air bawah tanah yang lebih berdaya tahan.

Forum yang berlangsung selama 2 hari ini dengan tema "*Accelerating the Implementation of Integrated Water Resources Management*", amat selari dengan semangat serta hala tuju global yang telah digariskan dalam World Water Forum ke-10 di Bali pada Mei 2024.





MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA) KEPADA KERAJAAN TERENGGANU

31 JULAI 2025

BILIK MESYUARAT GERAKAN NEGERI, WISMA DARUL IMAN



Majlis penyerahan projek pembangunan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha, Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) kepada YB Dato' Nara Setia (Dato' Zulkifli bin Ali), Setiausaha Kerajaan Terengganu. Turut bersama-sama hadir dalam sesi penyerahan ini adalah YBr. Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia.

Tiga projek pembangunan yang terlibat dalam sesi penyerahan ini iaitu Projek Rancangan Tebatan

Banjir Kemasik, Muara Sungai Mercang dan Projek Pembinaan Stesen Hidrologi Telemetry Dan Kerja-kerja Berkaitan di Negeri Terengganu untuk PRAB (Fasa 2).

Ketiga-tiga projek ini merupakan inisiatif penting yang dirancang dan dilaksanakan bagi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir, memperkukuh infrastruktur muara sungai, serta mengurangkan risiko banjir khususnya di kawasan terlibat di Negeri Terengganu.

Kejayaan pelaksanaan projek-projek ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam mempertingkatkan sistem pengurusan sumber air negara dan perlindungan terhadap komuniti setempat.

LAWATAN PROJEK

**PEMULIHARAAN MUARA SUNGAI
IBAI, TERENGGANU | 31 JULAI
2025 | TERENGGANU**



YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berada di tapak Projek Pemuliharaan Muara Sungai Ibai, Terengganu selepas berakhirnya tugas rasmi di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu.

Sebaik tiba di tapak projek, YBhg. Dato' Ketua Setiausaha PETRA telah diberikan taklimat berkenaan projek sebelum melakukan lawatan tapak bersama Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Terengganu.





OGOS

2025

KUNJUNGAN LAWATAN SEKOLAH SAMBIL BELAJAR DI PUSAT KAWALAN SMART

7 OGOS 2025 | PUSAT KAWALAN SMART



07 Ogos 2025



JPS Malaysia telah menerima kunjungan seramai 39 orang pelajar dan 5 guru pengiring dari SMK Dato' Ahmad Arshad, Segamat di Pusat Kawalan SMART pada 7 Ogos 2025. Sekolah ini merupakan sekolah angkat JPS Malaysia di bawah inisiatif Program Sekolah Angkat MADANI.

Lawatan ini disambut oleh YBrs. Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia. Antara pengisian utama ialah sesi taklimat mengenai operasi banjir terowong SMART dan pengoperasian di bilik kawalan SMART mengenai Sistem Kawalan Banjir.

Sebagai sokongan kepada pembangunan pendidikan holistik, JPS Malaysia turut menyerahkan sumbangan berjumlah RM100,000 kepada pihak sekolah menerusi inisiatif Program Sekolah Angkat MADANI.

Lawatan ini bukan sahaja menjadi titik mula kepada sebuah kolaborasi yang bermakna, malah membuka ruang luas kepada pelajar untuk mengenali lebih dekat kepada aspek pendigitalan termasuk bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Lawatan diharapkan ini dapat melahirkan generasi pelajar yang cemerlang akademik, berdaya tahan serta berakhlak mulia sejajar dengan hasrat pendidikan negara dan semangat Malaysia MADANI.



08 Ogos 2025

Program

MADANI RAKYAT (PMR) 2025 DI KELANTAN


Pengunjung Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Kelantan berpeluang melihat sendiri replika model Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok yang dipamerkan di reruai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Projek mega bernilai kira-kira RM3 bilion ini dilaksanakan melalui tiga fasa bertujuan mengurangkan risiko banjir dan melindungi penduduk di kawasan terjejas.

Pengarah JPS Negeri Kelantan, YBr. Ir. Ts. Gs. Dr. Hajah Siti Fairus Zakaria, menyatakan komponen projek ini adalah termasuk mendalamkan muara Sungai Golok bagi melancarkan aliran air serta membina infrastruktur tebatan banjir seperti benteng dan tembok penahanan kelestarian kawasan rekreasi berasaskan air.

Fasa pertama yang dijangka siap pada Julai 2026 melibatkan pembinaan ban, pintu air, rumah pam, pos keselamatan dan pemecah ombak, diikuti fasa kedua (2025–2029) yang merangkumi tembok dwifungsi, ban baharu dan rumah pam, serta fasa ketiga (2024–2029) yang melibatkan pembinaan ban tambahan, penaiktarafan sungai, outlet spillway dan gate kawalan air.

'Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Untuk Kesejahteraan Rakyat'



Ucapan

PENUTUP PROGRAM MADANI RAKYAT OLEH PERDANA MENTERI, YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

Program MADANI Rakyat Negeri Kelantan 2025 merupakan platform strategik Kerajaan untuk mendapatkan pandangan, maklum balas dan penilaian secara langsung daripada masyarakat terhadap keberkesanan perkhidmatan yang disampaikan oleh setiap Kementerian khususnya di Negeri Kelantan.

Dalam ucapan penutup Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, beliau menegaskan bahawa penganjuran program ini mencerminkan iltizam teguh Kerajaan untuk sentiasa mendengar denyut nadi rakyat di seluruh pelosok negara.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah membawa replika model Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok yang dipamerkan di reruai utama bagi tujuan masyarakat mengetahui dengan lanjut langkah mitigasi banjir yang diambil untuk kesejahteraan rakyat selaraskan dengan konsep Kerajaan Madani.

PMR 2025 Kelantan berlangsung selama tiga hari, dari 7 hingga 9 Ogos 2025, di Pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu.



Majlis Perasmian Persidangan Pengurus Kanan dan Jurutera Daerah JPS Malaysia Tahun 2025 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air. Turut hadir bersama di majlis tersebut ialah YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Negeri Kelantan, bersama-sama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Ketua Setiausaha PETRA dan Ketua Pengarah JPS Malaysia.

Persidangan ini berjaya menghimpunkan lebih 400 orang pegawai Pengurusan dan Profesional Gred J12 ke atas, termasuk Jurutera Daerah serta Pegawai Kader dari seluruh negara.

PERSIDANGAN PENGURUS KANAN DAN JURUTERA DAERAH JPS MALAYSIA TAHUN 2025

13 - 15 OGOS 2025 |
HOTEL PERDANA,
KOTA BHARU

Persidangan ini bertujuan untuk mencetuskan idea-idea baharu dan memperkasakan pengetahuan berkenaan isu-isu semasa yang berkaitan dengan fungsi serta tanggungjawab JPS Malaysia. Usaha ini adalah selaras dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti kerja secara menyeluruh.




Salam Takziah

Semua warga JPS Malaysia turut berdukacita dan mengucapkan salam takziah kepada keluarga dan rakan kenalan Allahyarham Amarizan bin Ayni, Pembantu Awam, JPS Johor yang telah kembali ke Rahmatullah pada 14 Ogos 2025.

Semoga seluruh keluarga arwah tabah dalam menghadapi ujian dan dugaan ini. Sama-sama kita doakan agar roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا،

"Ya Allah Ya Tuhanku ampunilah dia, rahmatilah dia, maafkanlah dia, muliakanlah kematiannya, lapangkanlah kuburnya, jadikanlah syurga sebagai ganti tempat tinggalnya dan berilah kesabaran kepada ahli keluarganya, semoga arwah di tempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.."



BERSAMA MALAYSIAKU



Ir. Ts. Mohamad Hazlami, Pegawai Hidrologi Negeri (PHN) di Bahagian Hidrologi dan Sumber Air, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, memainkan peranan penting dalam menjalankan operasi pemantauan banjir sewaktu hujan lebat di ibu negara, Kuala Lumpur.

Sejak bertugas hampir dua tahun di JPS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Ir. Ts. Mohamad Hazlami dan pasukannya komited memastikan aset hidrologi dan operasi banjir milik jabatan, iaitu stesen cerapan hujan, aras sungai, kadar aliran sungai, siren amaran banjir, dan kamera pemantauan banjir yang ditempatkan di sungai-sungai utama sekitar Kuala Lumpur, sentiasa diselenggara dan dinaik taraf seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Hal ini bagi memastikan fungsinya terus mampan dalam memberikan ramalan dan amaran awal banjir kepada warga ibu kota.

Beliau dan pasukannya sentiasa peka dengan keadaan cuaca yang tidak menentu, sama ada siang atau malam, terutama ketika hujan lebat, agar maklumat berkaitan data hidrologi seperti status aras sungai utama dapat disalurkan dengan cepat, terutamanya kepada agensi yang terlibat di bawah Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat W.P. Kuala Lumpur.

Ini bertujuan memastikan kelancaran tindakan operasi banjir di lapangan, selain memberi amaran awal kepada penduduk agar risiko kerosakan dan kerugian harta benda dapat dikurangkan.

Walaupun ramai tidak menyedari pengorbanan beliau dan pasukannya, Ir. Ts. Mohamad Hazlami dan pasukannya cekat menjalankan tanggungjawab demi mengukuhkan lagi tindakan mitigasi dan adaptasi banjir, yang merupakan tanggungjawab utama JPS dalam memacu daya tahan terhadap bencana banjir yang kian kompleks dan berimpak tinggi.



MAJLIS AMANAT PERDANA **PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-20 (MAPPA XX) SECARA ATAS TALIAN**

Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Kali Ke-20 (MAPPA XX) telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 15 Ogos 2025 di PICC, Putrajaya.

Dalam ucapannya, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan :

- Penambahbaikan skim Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
- Hadiah Pengiktirafan Akademik (HPA)
- Memperkasa Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai pusat rujukan kecemerlangan perkhidmatan awam di rantau Asia dan global
- Inisiatif Program APEL.Q @ INTAN diteruskan untuk tahun 2026 dengan jumlah peruntukan RM1.5 juta
- Penambahbaikan kemudahan cuti Haji



‘Perkhidmatan Awam MADANI Teras Kecemerlangan’

YAB Menteri Besar Pahang, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan YH Pegawai Daerah Bentong ke Projek Pemuliharaan Sungai bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Kampung Karak Setia, Sungai Bentong

Lawatan YAB Menteri Besar Pahang,, YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan YH Pegawai Daerah Bentong ke Projek Pemuliharaan Sungai bagi Mengurangkan Risiko Banjir di Kampung Karak Setia, Sungai Bentong. Dalam lawatan ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Bentong telah memberikan penerangan berhubung pelaksanaan projek pemuliharaan sungai yang bertujuan membantu penduduk Kampung Karak Setia dalam menangani isu banjir.

Antara skop utama projek termasuklah:

- Pembinaan ban,
- Membaik pulih sistem saliran, serta
- Pemasangan flap gate.
- Pelaksanaan projek ini dijangka dapat meningkatkan tahap perlindungan dan mengurangkan risiko banjir di Kampung Karak Setia.



Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Kenaikan Pangkat kepada pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



Ir. Hanizan Bin Deraman
Jurutera (Awam) Gred Utama C
Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan)
Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia
 Berkuat kuasa 21 Ogos 2025



Ir. Ts. Ahmad Shahrir Bin Md Naziri
Jurutera (Awam) Gred Utama C
Pengarah
Bahagian Mitigasi,
Agensi Pengurusan Bencana Negara
Jabatan Perdana Menteri
 Berkuat kuasa 21 Ogos 2025

Tahniah & Penghargaan

Sekalung Tahniah dan Penghargaan
kepada

YBHG. DATUK IR. MOHAMAD RADZI BIN ABDUL TALIB
KETUA PENGARAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Atas pengurniaan

DARJAH MULIA SERI MELAKA (D.M.S.M.)
YANG MEMBAWA GELARAN DATUK

Sempena

SAMBUTAN HARI JADI KE-76
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
Pada **25 OGOS 2025** bersamaan **1 Rabiulawal 1447H**



Tahniah & Penghargaan

Sekalung Tahniah dan Penghargaan

kepada

YBHG. DATUK Sr. HAJI AZIZUL BIN AHMAD AZLY
PENGARAH BAHAGIAN UKUR BAHAN DAN PENGURUSAN
KONTRAK
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Atas pengurniaan

DARJAH PEMANGKUAN SERI MELAKA (D.P.S.M.)
YANG MEMBAWA GELARAN DATUK

Sempena

SAMBUTAN HARI JADI KE-76
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA
Pada **25 OGOS 2025** bersamaan **1 Rabiulawal 1447H**



SAMBUTAN HARI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) PERINGKAT JABATAN TAHUN 2025

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKPP) telah menganjurkan Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 2025 pada 26 Ogos yang lalu.

Program ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah pemeriksaan kesihatan, demonstrasi haiwan berbisa, asas pertolongan cemas dan lain-lain.



Majlis sambutan ini diadakan bersempena 100 hari perkhidmatan YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia, sebagai tanda penghargaan atas kepimpinan dan komitmen beliau dalam menerajui jabatan.

Dalam ucapannya, beliau menyeru seluruh warga JPS Malaysia agar terus berganding bahu, bekerja dengan penuh keikhlasan serta berintegriti. Beliau turut menekankan kepentingan menjadikan aspek keselamatan dan kesihatan sebagai teras utama dalam mencapai kecemerlangan perkhidmatan jabatan.

Majlis ini turut diserikan dengan Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Peringkat Jabatan Tahun 2025, yang dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (BPME)

MAJLIS SAMBUTAN 100 HARI PERKHIDMATAN KETUA PENGARAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Sambutan Hari KKP ini menjadi titik permulaan kepada usaha berterusan pihak pengurusan tertinggi jabatan untuk memperkukuh dan memperkasa budaya keselamatan serta kesihatan pekerjaan, sebagai satu tanggungjawab moral demi kesejahteraan seluruh warga JPS.

Majlis diteruskan dengan peluncuran Sistem Maklumat Mekanikal dan Elektrikal (MECHIS) yang telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah, diiringi oleh YBrs. Ir. Ts. Hjh. Hapida binti Hj. Ghazali, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal. MECHIS berfungsi sebagai sebuah platform berasaskan *Internet of Things (IoT)* dengan pangkalan data berpusat yang mengumpulkan maklumat terperinci berkaitan infrastruktur mekanikal dan elektrik jabatan.



Tahniah & Penghargaan



Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Kenaikan Pangkat kepada pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed
Jurutera (Awam) Gred Utama B
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)
Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia



Ir. Yuslina binti Hj. Mohd Sani
Jurutera (Awam) Gred Utama C
Pengarah Bahagian Pengairan Dan Saliran
Pertanian



Ir. Ts. Hajah Hapida binti Hj. Ghazali
Jurutera (Mekanikal) Gred Utama C
Pengarah Bahagian Perkhidmatan
Mekanikal Dan Elektrikal Kuala Lumpur



Ir. Muhammad Zaki bin Mashud
Jurutera (Awam) Gred Utama C
Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran
Negeri Johor



#jayakanperkhidmatansempurna

Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Kenaikan Pangkat kepada pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed

Bagi jawatan

**Jurutera (Awam) Gred Utama B
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar)
Jabatan Pengaliran Dan Saliran Malaysia**

Berkuat kuasa pada
2 September 2025



Ir. Yuslina binti Hj. Mohd Sani

Bagi jawatan

**Jurutera (Awam) Gred Utama C
Pengaroh Bahagian Pengaliran Dan
Saliran Pertanian**

Berkuat kuasa pada
26 Februari 2025



Ir. Ts. Hajah Hapida binti Hj. Ghazali

Bagi jawatan

**Jurutera (Mekanikal) Gred Utama C
Pengaroh Bahagian Perkhidmatan
Mekanikal Dan Elektrikal Kuala Lumpur**

Berkuat kuasa pada
20 Mei 2025



Ir. Muhammad Zaki bin Mashud

Bagi jawatan

**Jurutera (Awam) Gred Utama C
Pengaroh Jabatan Pengaliran Dan Saliran
Negeri Johor**

Berkuat kuasa pada
2 September 2025



MESYUARAT

41st *JOINT TECHNICAL WORKING GROUP (41st JTWG MEETING)*

BERSAMA KERAJAAN THAILAND

27-29 OGOS 2025 | PATTAYA, THAILAND

Mesyuarat kali ke-41 *Joint Technical Working Group (JTWG)* telah dipengerusikan secara bersama oleh wakil kerajaan Thailand (*Royal Irrigation Department*) dan Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia (*Department of Irrigation & Drainage*) dan beberapa agensi berkaitan daripada kedua-dua negara. Mesyuarat kali ini telah diadakan di Pattaya, Thailand.



Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan keperluan kerja-kerja pengerukan di Sg Golok, Transit Point B dan perkara-perkara teknikal lain untuk di bawa ke Mesyuarat *Joint Steering Committee (JSC)*.



MALIS PERASMIAN

30 Ogos 2025

DENAI SUNGAI LANGAT, KUALA LANGAT: PROGRAM DENAI SUNGAI KEBANGSAAN JPS MALAYSIA

30 OGOS 2025 | TAMAN REKREASI PAYA BAKAU KG. SIJANGKANG



Majlis dimulakan dengan ketibaan Ride Merdeka PETRA yang berkonvoi dari Putrajaya ke Kuala Langat, diketuai oleh YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Beliau turut menyempurnakan perasmian Majlis Denai Sungai Langat, Kuala Langat: Program Denai Sungai Kebangsaan JPS Malaysia.

Turut hadir di majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi Bin Abdul Talib, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bersama YBhg. Dato' Ir. Ts. Hj. Mohd Nazri bin Yasmin, Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, kakitangan jabatan dan penduduk komuniti setempat.

Antara aktiviti yang dianjurkan termasuklah penanaman pokok bakau, senam aerobik, sukan rakyat serta aktiviti menaiki bot menyusuri Denai Sungai Langat. Bersempena bulan kemerdekaan,

Turut diadakan simbolik pemacakan bendera Malaysia dan pengibaran Jalur Gemilang bersama komuniti setempat sebagai tanda kecintaan kepada tanah air, penghargaan terhadap perjuangan kemerdekaan, serta pengukuhan semangat perpaduan rakyat Malaysia.



JABATAN PENGAIRAN
DAN SALIRAN MALAYSIA

Selamat Menyambut
HARI KEBANGSAAN
2025

*Ikhlas daripada*

YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib
Ketua Pengarah
Dan Warga Jabatan Pengairan
dan Saliran Malaysia



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

J A Y A K A N P E R K H I D M A T A N S E M P U R N A

"Malaysia Madani, Rakyat Disantuni"

A group of men in suits are gathered around a large, open book on a table. The man in the center, wearing a red and blue striped tie, is signing the book with a pen. Other men are standing behind him, some looking at the book and others looking towards the camera. The background is a dimly lit room with a chandelier hanging from the ceiling.

SEPTEMBER 2025

Tahniah & Penghargaan



Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Kenaikan Pangkat kepada pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



Ir. Azren Bin Khalil

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred Utama C

**Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**



Ir. Asnol Adzhan bin Abd. Manap

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

**Pengarah Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia**



Ir. Noor Hanisah binti Wok

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

**Pengarah Operasi
Pejabat Lembangan Sungai Klang**

Berkuat kuasa pada

2 September 2025

#jayakanperkhidmatansempurna

Tahniah & Penghargaan

Setinggi-tinggi Tahniah dan Penghargaan atas Pemangkuan Kenaikan Pangkat kepada pegawai- Pegawai JPS seperti berikut:



Ir. Norizam binti Yusof

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia

Berkuat kuasa pada

2 September 2025



Ir. Dr. Tan Woon Yang

Bagi jawatan

Jurutera (Awam) Gred J14

Pengarah Operasi

Pengurusan Lembangan Sungai Muda



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR



JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN MALAYSIA

Salam MAULIDUR RASUL

12 Rabiulawal 1447H

“ Membangun Ummah Madani ”

“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula banyak menyebut dan mengingati Allah (dalam masa susah dan senang).”

Suruh Al-Azhab, Ayat 21

Ikhlas daripada
**Ketua Pengarah dan seluruh warga
Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia**

**#JPSPMalaysia
#JayakanPerkhidmatanSempurna**

Program MADANI Rakyat 2025 di KEDAH

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia turut serta dalam Program Madani Rakyat (PMR) 2025 Kedah yang telah berlangsung pada 4 hingga 6 September 2025 di Baling, Kedah.

Penyertaan ini merupakan sebahagian daripada usaha JPS Malaysia di bawah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) untuk mendekati masyarakat serta menyampaikan maklumat berhubung peranan dan tanggungjawab jabatan dalam pengurusan sumber air dan pengawalan banjir.

Para pengunjung berpeluang mendapatkan penerangan mengenai pelbagai inisiatif dan projek yang dilaksanakan di reruai JPS Malaysia, antaranya Program Tebatan Banjir Lembangan Sungai Ketil, Daerah Baling, Kedah.

Projek-projek di bawah program ini bertujuan meningkatkan tahap perlindungan banjir demi keselamatan penduduk, melindungi infrastruktur awam serta menyokong pembangunan sosioekonomi setempat.



08 September 2025

Majlis

PERASMIAN PERSIDANGAN 4TH WORLD IRRIGATION FORUM (WIF4) & 76TH INTERNATIONAL EXECUTIVE COUNCIL (IEC) MEETING DI WORLD TRADE CENTRE, KUALA LUMPUR



Forum berprestij ini merupakan platform global yang menghimpunkan lebih 500 peserta dari dalam dan luar negara yang terdiri daripada para penggubal dasar, organisasi kerajaan, badan korporat, penyelidik dan komuniti petani dengan tema “Is Irrigation a Sunset Industry?”.

Sebagai salah satu agenda utama forum ini, Mesyuarat High-Level Advisory Group (HLAG) Kali Ke-3 turut diadakan pada hari ini.

KUALA LUMPUR, 8 September 2025 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merasmikan 4th World Irrigation Forum (WIF4) & 76th International Executive Council (IEC) Meeting anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama Malaysian National Committee on Irrigation and Drainage (MANCID) dan International Commission on Irrigation and Drainage (ICID) bertempat di World Trade Centre, Kuala Lumpur yang diadakan dari 7 hingga 13 September 2025. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih 1000 orang tetamu.

Penganjuran persidangan ini amat istimewa kerana setelah hampir 20 tahun selepas kejayaan Malaysia menganjurkan 3rd AsRC dan 57th IEC Meeting, Malaysia sekali lagi telah diberi penghormatan untuk menganjurkan persidangan pengairan bertaraf antarabangsa ini dan ia merupakan peluang terbaik untuk mengangkat nama negara di persada dunia di dalam bidang pengairan, saliran dan keterjaminan makanan.

Mesyuarat ini menghimpunkan Menteri-Menteri Pertanian dan Sumber Air serta pengurusan tertinggi dari negara anggota ICID untuk mewujudkan persekitaran dasar yang mampu menangani impak perubahan iklim serta peningkatan permintaan terhadap sumber air melalui penggunaan sistem pengairan dan pengurusan air yang cekap.

Selain itu, sesi bengkel, pameran dan lawatan teknikal turut diadakan sebagai sebahagian aktiviti persidangan. YBhg. Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha KPKM turut menyampaikan ucapan bertajuk “Is Irrigation A Sunset Industry?” sewaktu sesi Plenary Session 1 (PL-1)



Penganjuran forum ini juga disokong oleh The Malaysian Convention and Exhibition Bureau (MyCEB), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) dan Malaysia Airlines sebagai Rakan Rasmi Syarikat Penerbangan (Supporting Airlines Partner).

Majlis turut dihadiri oleh Dr. Marco Arcieri, Presiden ICID; YBrs. Ir. Yuslina Mohd Sani, Pengarah Bahagian Pengairan dan Saliran (BPSP), KPKM; YBrs. Dr. R. K. Gupta, Setiausaha Agung ICID; Pengurusan Tertinggi dan Delegasi negara-negara anggota ICID serta Pegawai-pegawai kanan KPKM dan jabatan/agensi.



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR



JABATAN PENGAIRAN DAN
SALIRAN MALAYSIA

Selamat Menyambut HARI MALAYSIA

16 SEPTEMBER 2025



**MALAYSIA
MADANI**
Rakyat Disantuni

Ikhlas daripada
Ketua Pengarah dan seluruh warga
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

#JPSPMalaysia
#JayakanPerkhidmatanSempurna

 www.water.gov.my

 Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia - JPS

 [jps_malaysia](https://www.instagram.com/jps_malaysia)

"Kesatuan, Keharmonian dan Kebersamaan"



Program CUTI SEKOLAH @PERPUSTAKAAN JPS

Perpustakaan JPS Malaysia telah menganjurkan Program Cuti Sekolah 2025 bersempena musim cuti sekolah pada bulan September. Program ini telah disempurnakan perasmianya oleh YBrs. Ir. Hanizan bin Deraman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia.

Seramai 70 orang kanak-kanak bersama ibu bapa masing-masing telah menyertai program ini. Penganjuran program ini merupakan salah satu inisiatif untuk menyokong pembangunan kemahiran literasi, khususnya di peringkat awal pendidikan kanak-kanak.

Selain itu, ia juga berperanan merangsang minat membaca dalam kalangan anak-anak sekali gus memupuk perkembangan kognitif dan kemahiran sosial mereka.

Antara aktiviti menarik yang dianjurkan termasuk pertandingan mewarna dan peragaan pakaian bertemakan kerjaya. Program ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua peserta serta menyemarakkan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat.



MESYUARAT PENYELARASAN OPERASI RAMALAN MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 DI BAWAH PROGRAM RAMALAN DAN AMARAN BANJIR (PRAB) FASA 2, PUSAT RAMALAN DAN AMARAN BANJIR NEGARA (PRABN)

20 September 2025



Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) telah mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Operasi Ramalan Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 pada 10 hingga 12 September 2025 bertempat di Kuala Terengganu, Terengganu.

Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh YBrs. Ir. Haji Mohd Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) dan dipengerusikan oleh Kol. Bersekutu (PA) Ir. Dr. Norlida binti Mohd Dom (KMW). Mesyuarat ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari PRABN, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri dan Bahagian-Bahagian lain yang berkaitan.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan penyelarasan pengoperasian, isu-isu berbangkit dan merangka penambahbaikan kepada prosedur persediaan menghadapi musim MTL 2025/2026 yang akan datang.



Pembentangan telah dibuat oleh Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) yang merangkumi status terkini Projek Ramalan & Amaran Banjir (PRAB), penemuan hasil Bengkel Post-Mortem MTL 2024/2025, perbincangan penyelarasan Operasi Ramalan dan Amaran Banjir dan sebagainya.



6th International Conference on Water Resources (ICWR-2025)

23–25

SEPTEMBER

2025 |

THE EVERLY HOTEL, PUTRAJAYA

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah merasmikan 6th International Conference on Water Resources (ICWR-2025) yang dianjurkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan sokongan Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan International Association for Hydro-Environment Engineering Research (IAHR) Malaysia.

Forum persidangan ini merupakan sebuah platform bertaraf global yang menghimpunkan lebih daripada 240 peserta dan lebih 60 pembentangan kertas kerja dari 14 buah negara, terdiri daripada para penggubal polisi dan dasar, agensi kerajaan, badan korporat serta komuniti penyelidik. Persidangan ini berteraskan tema “*Embracing Change for a Resilient Future in Water Resources*”.

Penganjuran ICWR-2025 adalah sebagai sebuah platform yang amat signifikan bagi tujuan pertukaran ilmu, perkongsian pengalaman, serta yang lebih utama, memperkuat jalinan kerjasama strategik dalam menghadapi cabaran mendesak pengurusan sumber air di era perubahan iklim dan ketidaktentuan global masa kini.



Antara topik utama yang dibincangkan ialah:

- Penyelesaian Air Inovatif
- Pengurusan Bersepadu dan Berasaskan Ekosistem
- Sistem Air Pintar berasaskan Dorongan AI
- Adaptasi Iklim dan Kekurangan Air
- Roadmap Transformasi Air (AIR 2040)
- Pemerkasaan Tadbir Urus Air dalam Komuniti



MESYUARAT TAHUNAN KE-14: TYPHOON COMMITTEE WORKING GROUP ON HYDROLOGY WORLD METEOROLOGICAL ORGANIZATION (WMO) UNITED NATIONS ECONOMIC AND SOCIAL COMMISSION FOR ASIA AND THE PACIFIC (UNESCAP)

Mesyuarat ini diadakan dari 23-25 September 2025 di Guam, Amerika Syarikat dengan National Weather Service Pacific Region selaku tuan rumah. Mesyuarat ini menghimpunkan pakar hidrologi serta wakil dari 14 buah negara dari kalangan negara anggota Typhoon Committee dengan matlamat utama untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam pengurusan risiko bencana, khususnya dalam aspek ramalan dan mitigasi risiko banjir dengan tema tahun ini *“Strategic Action for a Resilient Tomorrow: Strengthening Inter-Agency Coordination and Data-Driven, Multi-Hazard Early Warning Systems to Address Typhoon Impacts.”*

Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Mamoru Miyamoto, penyelidik dari The International Centre for Water Hazard and Risk Management (ICHARM, UNESCO, Jepun). Turut hadir ialah Dr. Hyo Soeb Cho (Republik Korea), Naib Pengerusi WGH, Dr. Hou Aizhong (China) dan Kenneth R. Kleeschulte (Amerika Syarikat).

YBhg. Datuk Ir. Mohamad Radzi bin Abdul Talib, Ketua Pengarah JPS Malaysia bersama YBr. Ir. Dr. Norlida binti Mohd Dom, Pengarah PRABN telah hadir dan terlibat dalam perbincangan teknikal, berkongsi pengalaman negara masing-masing, serta menyelaraskan inisiatif hidrologi dengan matlamat lebih luas dalam pengurangan risiko bencana.

Malaysia turut membentangkan Annual Operating Plan 2026, yang menekankan inisiatif untuk meningkatkan panduan banjir kilat, memperkukuh amaran awal berasaskan komuniti, serta memajukan pemodelan hidrologi berasaskan AI bagi rantau Asia Tenggara. Pelan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Integrated Workshop ke-20 dan High Level Forum yang akan diadakan di Macao, China, dari 2-5 Dis 2025.



LAWATAN

KETUA SETIAUSAHA PETRA KE PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI PEMANDI | 28 SEPTEMBER 2025

28 SEPTEMBER 2025 | KOTA TINGGI, JOHOR



YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkelapangan menjalankan lawatan ke tapak Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pemandi dan mendengar sendiri taklimat berkaitan kemajuan pelaksanaan projek ini. Projek tebatan banjir dengan tahap perlindungan 50 ARI ini dijadualkan siap sepenuhnya pada April 2026 dan bakal memberikan manfaat perlindungan risiko banjir kepada penduduk di sekitar Pekan Kota Tinggi, Johor.

Taklimat kemajuan telah disampaikan di tapak projek dan lawatan turut dihadiri Pengarah JPS Negeri Johor dan JPS Kota Tinggi.

Lawatan Kerja

KETUA SETIAUSAHA NEGARA KE PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (PLSB) SUNGAI GOLOK (KESBAN) FASA 1 28 SEPTEMBER 2025 | KELANTAN



YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN), telah mengadakan lawatan kerja bagi memantau kemajuan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula November 2025.

Lawatan ini turut diiringi oleh YBhg. Dato' Rodzwan bin Mohd Baba Sakri, Timbalan Ketua Setiausaha (Air), Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA); YBrs. Ir. Hanizan Deraman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), JPS Malaysia; serta YBrs. Ir. Ts. Gs. Dr. Siti Fairus Zakaria, Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan.

Projek bernilai RM3 bilion ini dilaksanakan melalui tiga fasa, di mana Fasa 1 dijangka siap pada Julai 2026. Objektif utama projek ini adalah untuk:

- Mengurangkan risiko banjir di kawasan terjejas
- Melindungi keselamatan penduduk setempat
- Meningkatkan kapasiti aliran Sungai Golok

Lawatan ini menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan dalam menangani isu banjir secara holistik dan mampan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

LAWATAN TAPAK

*Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Ke
Projek RTB Sungai Rempayan, Lembangan Sungai Menggatal,
Kota Kinabalu*

29 September 2025 | Kota Kinabalu, Sabah



Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), telah mengadakan lawatan kerja bagi meninjau kemajuan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Rempayan, Lembangan Sungai Menggatal, Kota Kinabalu.

Turut mengiringi beliau ialah YBr. Ir. Mohd. Sha'ri bin Mohammed, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar), JPS Malaysia serta YBr. Ir. Siraja bin Bashora, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah.

Projek bernilai RM36 juta ini sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2026 di mana skop pelaksanaan merangkumi kerja-kerja pengambilan tanah, pembinaan parit konkrit, serta pembentung jalan. Projek ini dijangka dapat mengurangkan risiko banjir dan kerosakan harta benda di kawasan seluas 25 hektar, sekaligus memberi perlindungan kepada hampir 5,000 penduduk setempat.

Lawatan ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Madani dalam memperkukuh infrastruktur mitigasi banjir dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan terhadap perubahan iklim yang semakin mencabar.

LAWATAN TAPAK

29 September 2025

TIMBALAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR K
PROJEK RTB SG. KETIAU, PUTATAN
29 SEPTEMBER 2025 | PUTATAN, SABAH



YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), turut berkesempatan untuk meninjau status dan kemajuan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Ketiau, Putatan.

Pelaksanaan projek telah bermula pada November 2021 dengan kemajuan fizikal terkini 92.78% dan dijangka siap sepenuhnya pada November 2025.

Skop projek merangkumi kerja-kerja pembinaan parit tanah dan struktur kawalan tebing sungai, pembentung dan struktur outfall dan outlet ke Sungai Putatan yang akan memberi manfaat perlindungan banjir seluas 50 ha kepada hampir 3,500 penduduk. Program ini bertujuan memperkukuh hubungan strategik antara agensi kerajaan dan institusi pendidikan dalam usaha merealisasikan aspirasi Sekolah Angkat MADANI secara lebih menyeluruh dan berimpak.

Lawatan ini turut memberi peluang kepada pihak kementerian untuk mendengar penjelasan secara terus daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah berhubung cabaran serta langkah penambahbaikan yang diambil dalam pelaksanaan projek ini.



TIMBALAN MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR KE PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU SUNGAI MOYOG: KERJA-KERJA NAIK TARAF SUNGAI PUTATAN

29 SEPTEMBER 2025 | PENAMPANG, SABAH



Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir meneruskan lawatan ke tapak Projek Pembangunan Lembangan Bersepadu Sungai Moyog: Kerja-Kerja Naik Taraf Sungai Putatan.

Kos projek bernilai RM297.96 juta ini telah dimulakan pada Jun 2017 dengan kemajuan fizikal projek telah mencapai 92.72% dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2025.



Skop projek merangkumi merangkumi kerja-kerja pemuliharaan sungai dan struktur mitigasi banjir yang akan memberikan manfaat kepada 38,000 orang penduduk dan 2,750 hektar kawasan daripada risiko dan kesan bencana banjir.

Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan agensi pelaksana diharap dapat memastikan projek ini disiapkan mengikut jadual dan memberi manfaat optimum kepada rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.



MESYUARAT JAWATANKUASA

PEMANTAUAN PEMBANGUNAN JPS (JPPP) BIL.3/2025

29-30 SEPTEMBER | KOTA KINABALU, SABAH



Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan JPS Malaysia (JPPP JPS) Bil. 3/2025 telah dipengerusikan oleh YBrs. Ir. Hj. Mohd. Azmin bin Hussin, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes), JPS Malaysia dan dilaksanakan di Pejabat JPS Negeri Sabah.



Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengarah-Pengarah Bahagian dan JPS Negeri bagi membincangkan prestasi fizikal dan kewangan projek-projek pembangunan JPS di seluruh negara. Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JPS Negeri Sabah selaku tuan rumah atas kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan penganjuran mesyuarat ini.